

22 JUN 1999
Sanusi-Budi
KENANG BUDI KERAJAAN, KATA SANUSI

LANGKAWI, 22 Jun (Bernama) -- Rakyat Kedah diingatkan supaya menjadi orang yang tahu mengenang budi kerajaan yang sudah banyak berjasa, bukan "mengamuk dan melatah" tanpa tujuan.

Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid hari ini berkata ini kerana perkelahian sesama rakyat sebenarnya adalah ciptaan musuh yang sengaja mahu melihat umat Islam berpecah.

"Saya kesal kerana sesetengah daripada masyarakat kita, mendapat kemewahan hasil yang diberikan kerajaan tetapi pada masa yang sama cuba mencemarkan nama baik pemimpin dan menjatuhkan kerajaan," katanya ketika melancarkan kempen menanam pokok di seluruh negara peringkat negeri di sini.

"Berhentilah menghentam kerajaan, lebih baik bertanding pada pilihan raya agar tahu sedap sakitnya pilihan raya. Kita perlu jujur dari hati dan bukan di mulut semata-mata," tambahnya.

Sanusi berkata, penduduk di Langkawi misalnya banyak berhutang budi kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana banyak membawa pembangunan di pulau ini menjadi pulau peranginan terkemuka.

Bagaimanapun, katanya, keadaan itu tidak akan dapat bertahan lama jika mereka mudah terpedaya dengan fitnah yang dibawa ke sini apabila pilihan raya semakin hampir.

"Usahlah tabur fitnah di sini. Tunjukkanlah tanda terima kasih kepada pemimpin negara, Dr Mahathir yang disanjung di negara-negara Timur, Asia Timur dan negara dunia ketiga", katanya.

Sehubungan itu, beliau mahu semua pemimpin masyarakat, guru dan pegawai kerajaan membantu memperkuat kerajaan sekarang yang terbukti cemerlang dalam pelbagai bidang.

Sementara itu, ketika menutup kursus komputer bagi imam-imam daerah ini, selepas itu, Sanusi berkata, beliau kesal kerana ada sesetengah pihak menyalahgunakan kemudahan yang disediakan kerajaan.

Kursus itu, usaha sama Darulaman Multimedia College (DMC), Pejabat Agama Daerah Langkawi dan Persatuan Dakwah Daerah Langkawi, diadakan bagi menjayakan program Masjid.Net yang diilhamkan Sanusi enam bulan lepas selaras dengan perkembangan pesat teknologi maklumat di rantau ini.

Sanusi berkata kerajaan Kedah berusaha meningkatkan syiar Islam dengan menambah cawangan Maktab Mahmud di seluruh negeri dengan meminta dana daripada kerajaan Pusat.

Bagaimanapun, maktab itu dijadikan tempat untuk menghentam kerajaan pada masa lapang dan ini tentu merugikan orang ramai dan kerajaan.

Beliau juga mengajak rakyat Kedah berlumba dan berjaga dalam soal kerja, dan bukan berharap ia akan berakhir dengan perkelahian dan maki hamun.

-- BERNAMA
NH zb